

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U))****Skim Pembiayaan  
CAKNA I dan CAKNA II (CAKNA)****LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM**

Tarikh : \_\_\_\_\_(Untuk diisi oleh Cawangan)

**[Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Program ini bersama-sama dengan terma dan syarat umum program ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk menerima tawaran Skim Pembiayaan CAKNA]. Sila baca bersama terma dan syarat yang terdapat di dalam Surat Tawaran.****Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma umum dalam dokumen ini.****1. Apakah Program ini?**

Skim pembiayaan CAKNA adalah bertujuan untuk memberi kemudahan pembiayaan jangka pendek melalui kaedah pra dan pasca kontrak kepada pembekal (termasuk penyedia perkhidmatan) dalam kalangan usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana serta kontraktor kecil (G1-G4) yang memerlukan kemudahan perbankan bagi melaksanakan kontrak tertentu di bawah Kerajaan Persekutuan. Melalui skim ini, bayaran balik pembiayaan adalah dijamin melalui penyempurnaan Surat Ikatan Penyerahan Hak (*Deed of Assignment*) di antara Penyera Hak, Pemberi Kontrak dan Bank dengan menggunakan sistem Perolehan kerajaan (eP).

**2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?****Tawarruq**

Produk yang digunakan di bawah Program ini adalah Modal Kerja-i dan menggunakan konsep Shariah Tawarruq. Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada penambahan harga jualan (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.

**Wakalah**

Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep *Wakalah*. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.

"Komoditi" dalam konteks transaksi Tawarruq adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastic resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.

**3. Apakah syarat kelayakan bagi Program ini?**

- Warganegara Malaysia
- Terbuka kepada entiti perniagaan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana berdasarkan definisi semasa yang ditetapkan oleh SME Corp Malaysia dan National SME Development Council seperti berikut;
  - i. Perniagaan milikkan tunggal ; pemilik berusia di antara 21 tahun (semasa permohonan) dan sehingga 70 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan); atau
  - ii. Syarikat Sdn. Bhd. dengan sekurang-kurangnya 51% saham yang dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia

- Perniagaan atau syarikat hendaklah didaftar atau diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 (atau mana-mana pindaan yang berkaitan dengannya) atau ; Bagi Sabah & Sarawak : Pihak berkuasa berkaitan atau Pejabat Daerah (District Offices)
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Pembekal atau Kontraktor yang berlesen di bawah sistem Perolehan Kerajaan
- Bagi kontraktor; perlu berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta berada di antara gred G1 hingga G4
- Merupakan Pembekal atau Kontraktor Utama yang telah dianugerahkan dan/atau akan dianugerahkan kontrak bekalan dan/atau perolehan kerja-kerja pembinaan melalui sistem e-Perolehan.
- Tidak diisyiharkan bankrap atau mempunyai tindakan undang-undang yang boleh mengakibatkan kebankrapan;
- Tidak disenarai hitam dalam AML/CFT Watchlist atau mana-mana carian yang berkaitan.
- Tiada kemudahan kredit diperolehi daripada institusi kewangan lain untuk membiayai invois kontrak yang sama.

#### 4. Apakah ciri-ciri Program ini?

Ciri-ciri Program ini adalah seperti berikut:-

<b>Produk Pembiayaan</b>	Modal Kerja-i adalah produk kemudahan pembiayaan (Kemudahan) kredit pusingan jangka pendek yang ditawarkan kepada pelanggan untuk tujuan membiayai keperluan modal kerja mereka. Di bawah program ini, terdapat dua (2) jenis Kemudahan Modal Kerja-i yang ditawarkan iaitu ; <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Modal Kerja-i (Jualan)</b></li> <li>• <b>Modal Kerja-i (Belian)</b></li> </ul>
<b>Jumlah Kemudahan</b>	Had minimum pembiayaan adalah RM50,000.00 manakala had maksimum pembiayaan tertakluk kepada had kemudahan yang ditetapkan oleh Bank.  Had kemudahan merujuk kepada jumlah yang ditetapkan berdasarkan nilai kontrak pembekalan atau pembinaan yang telah dilaksanakan oleh pelanggan dalam tempoh 24 bulan dan tidak melebihi had pembiayaan berdasarkan kategori berikut ; <p><b>Pembiayaan Mikro</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga 100% daripada jumlah kos tertakluk kepada jumlah maksimum pembiayaan sebanyak RM500,000.00</li> </ul> <p><b>Pembiayaan Komersial</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga 100% daripada jumlah kos tertakluk kepada jumlah maksimum pembiayaan sebanyak RM1.5 juta.</li> </ul>
<b>Tempoh Kemudahan</b>	Sehingga 60 bulan dengan tertakluk kepada semakan kredit tahunan
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	Tempoh Minimum: 14 hari  Tempoh Maksimum: 365 hari

	<p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Bagi Pembiayaan Jualan</u> Pengiraan tempoh Kemudahan hendaklah mengambil kira jangka masa dari tarikh dokumen (contoh: invoice) sehingga tarikh pengeluaran Kemudahan.</li> <li>• <u>Bagi Pembiayaan Belian</u> Tempoh Kemudahan adalah dikira bermula dari tarikh pengeluaran Kemudahan.</li> </ul>
<b>Kadar Keuntungan</b>	<p>Tertakluk kepada jenis dana seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dana Bank</b>; Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) +1.5% setahun atas baki harian.</li> <li>• <b>Dana All Economics Sector (AES) oleh BNM</b>; Pada kadar tetap maksima sehingga 7.0% setahun dikira berdasarkan baki bulanan</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Kadar keuntungan adalah mengikut kadar keuntungan terapung pada peringkat kemudahan dan tidak akan berubah sepanjang tempoh Kemudahan. Kadar Keuntungan Syiling (KKS) adalah KABP + 4% setahun ATAU 10% setahun, yang mana lebih tinggi.</p>

**Nota:**

- Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. **KABP semasa Bank ialah 6.75%.**
- Kemudahan boleh digunakan pada bila-bila masa mengikut keperluan perniagaan selagi jumlah penggunaan tidak melebihi had Kemudahan.
- KKS adalah kadar maksimum yang boleh dikenakan untuk produk ini.

#### 5. Apakah tanggungjawab saya?

- Melaksanakan *akad* untuk transaksi *Tawarruq*.
- Membuat bayaran berdasarkan Harga Jualan (Jumlah Kemudahan ditambah keuntungan) bagi setiap kemudahan.

#### 6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
<b>Duti Setem</b>	Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Akta 378).
<b>Fi Pembrokeran</b>	RM7.00 bagi setiap RM1,000,000 jumlah pembelian komoditi / jumlah pembiayaan.
<b>Caj Guaman dan Pembayaran</b>	Termasuk caj guaman untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebankrapan/penggulungan dan caj-caj lain yang berkaitan (sekiranya ada).
<b>Sumbangan Takaful</b>	Tertakluk kepada jumlah kemudahan yang diberikan

**Nota:**

- Apa-apa perubahan pada fi dan caj yang berkaitan akan di buat secara bertulis oleh Bank.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa jenis cukai lain seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**7. Bagaimakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?**

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada Pelanggan ke atas kerugian yang dialami oleh pihak Bank akibat kelewatan/kegagalan Pelanggan membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seperti mana berikut:
  - i. Sebelum tarikh matang, *Ta'widh* yang dikenakan adalah sehingga kadar kerugian sebenar dan **tidak melebihi 1% setahun** ke atas jumlah bayaran tertunggak dikira secara harian.
  - ii. Selepas tarikh matang dan penghakiman, *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.
- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.
- Bank juga berhak untuk menyemak semula dan menamatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran seperti mana dipersetujui di dalam terma-terma dan syarat-syarat kemudahan pembiayaan.

**8. Bagaimakah sekiranya saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Rebat (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:

- i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
- ii. Pelanggan membuat penyelesaian pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturran pembiayaan;
- iii. Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keter hutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah rebat/ibra' pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:

*Ibra'* = Keuntungan Tertunda – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Nilai Penyelesaian = Baki Harga Jualan + Ansuran Tertangguh + Caj Bayaran Lewat (jika ada) – *Ibra'*

**9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?**

- Pelanggan **dikehendaki** untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keter hutangan di bawah skim kemudahan pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah skim pembiayaan tersebut.
- Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki Kemudahan semasa anda sepanjang tempoh Kemudahan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan pelantikan panel Takaful adalah amat digalakkan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel tertakluk kepada kelulusan

**10. Apakah risiko utamanya?**

- Tindakan undang-undang akan diambil jika Pelanggan gagal untuk menjelaskan keter hutangan selepas notis tuntutan dikeluarkan oleh pihak Bank. Pelanggan bertanggungjawab untuk menanggung kesemua kos yang terlibat.

**11. Adakah saya memerlukan cagaran atau penjamin?**

- Cagaran adalah dikecualikan bagi pembiayaan ini.
- Manakala keperluan mengemukakan jaminan atau sekuriti tambahan adalah tertakluk kepada syarat kelulusan pembiayaan.
- Sekiranya perlu, jaminan dan sekuriti tambahan bagi permohonan pembiayaan di bawah entiti **Syarikat Sendirian Berhad** adalah seperti berikut;
  - i. Jaminan bersama dan berasingan (joint and severally guarantee) oleh Pengarah syarikat dan individu pemegang saham (yang memegang lebih daripada 30% daripada keseluruhan modal saham syarikat yang dibiayai); atau
  - ii. Jaminan korporat bagi syarikat yang memegang saham lebih dari daripada 50% modal saham syarikat yang dibiayai; atau
- Bagi entiti **Perniagaan Perkongsian / Perkongsian Liabiliti Terhad**; jaminan individu oleh setiap rakan kongsi.

**12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

<b>Alamat</b>	: Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
<b>No. Tel.</b>	: 1-300-88-2476
<b>Faks</b>	: 603-2691-7790
<b>Emel</b>	: <a href="mailto:customer@agrobank.com.my">customer@agrobank.com.my</a>

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Jika anda mempunyai sebarang masalah dalam menjelaskan pembayaran anda, sila hubungi pihak Bank terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif bayaran pembiayaan. Anda boleh menghubungi pihak Bank di cawangan berdekatan anda atau:  
Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

- Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturana semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.  
• Tel: 03-2616 7766 • Emel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi kami di:  
Client Relationship Management, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi BNM LINK atau TELELINK di:  
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
• Tel: 1-300-88-5465 • Faks: 603-2174 1515 • Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**14. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan, atau hubungi kami di:

Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**MAKLUMAT LAIN**

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Program ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihatati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.
- Pelanggan perlu membalias emel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank sebagai akad jual beli untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq* (jika berkenaan).
- Sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu bagi helaian Lembaran Maklumat Produk ini, versi Bahasa Melayu akan diutamakan.

**NOTA PENTING :**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BAGI SKIM PEMBIAYAAN CAKNA I DAN CAKNA II ANDA.**

**Penafian:**

Terma dan syarat di dalam Lembaran Maklumat Program ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Letter of Offer Cum Agreement (LOCA) dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan.

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U))**

**Skim Pembiayaan  
CAKNA I dan CAKNA II (CAKNA)**

Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila rujuk Polisi PDP kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Saya/Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Program seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.

Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	